

29 SEP 1998

Parlimen-Gulung

PIHAK ASING SEDIA TERIMA TEGURAN MENGENAI DAGANGAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pihak asing kini sudah bersedia untuk menerima teguran daripada Malaysia mengenai dagangan mata wang dunia setelah kejatuhan satu "hedge-fund" (dana lindung nilai) di Amerika Syarikat.

"Sekarang baru mereka mengetahui bahawa dagangan mata wang tidak berfaedah apabila sudah terkena pada batang hidung mereka sendiri. Sekarang baru mereka sedar bahawa dakwaan kita sebelum ini adalah berasas," katanya ketika menggulung perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998.

Hedge fund Long-Term Capital Management (LTC), telah mengalami kerugian besar apabila menjalankan dagangan spekulasi ke atas mata wang rouble Russia menyebabkan beberapa bank cuba membantu dengan memberi sejumlah pinjaman yang besar.

Akibat daripada masalah LTC itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata kemungkinan banyak hedge fund dan bank yang akan jatuh merudum.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) semasa perbahasan mengenai keyakinan pelabur terhadap Malaysia, beliau berkata keyakinan pedagang asing adalah perlu bagi pelaburan biasa dan bukan pembelian saham.

Malangnya, menurut Perdana Menteri sedang galakan diberi kepada mereka untuk melabur, pedagang-pedagang asing tidak menggunakan peluang itu, sebaliknya terlibat dalam menjual-beli mata wang atau saham yang telah menimbulkan banyak masalah.

"Oleh itu kita asingkan Ringgit daripada pasaran mata wang dunia supaya tiada jual-beli Ringgit dan kita dapat tentukan nilai Ringgit dan ini memudahkan dagangan", katanya.

Menjawab soalan mengenai Central Limit Order Book (CLOB) di Singapura, iaitu satu pasaran saham yang tidak diiktiraf oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Dr Mahathir berkata tidak terdapat sebarang perjanjian mengenai penubuhan CLOB sebelum ini.

Beliau berkata tindakan kerajaan untuk membawa balik dagangan saham Malaysia di CLOB untuk didagangkan di BSKL tidak akan memiskinkan Singapura sebaliknya Malaysia hanya ingin membawa pulang kekayaannya.

Menurutnya, sebelum ini dagangan saham Malaysia di CLOB adalah melalui syarikat nominee dan dagangannya tidak dimaklumkan kepada BSKL, sehinggakan terdapat 200,000 pemilik dalam satu syarikat nominee, dan kesan dagangan tersebut terhadap harga saham adalah ketara.

Mengenai kegiatan di BSKL yang melibatkan golongan kapitalis, Perdana Menteri berkata langkah-langkah kerajaan memberi juga peluang kepada rakyat biasa untuk melabur melalui "amanah saham".

Oleh itu, kegiatan di BSKL memberi keuntungan kepada yang miskin dan juga yang kaya.

Mengenai jumlah arbitraj antara Malaysia dengan Singapura, beliau berkata ia adalah besar tetapi tidak dapat memberikan angkanya.

Sama ada langkah-langkah memulihkan ekonomi negara telah menghilangkan keyakinan negara lain untuk membantu Malaysia, Dr Mahathir berkata pihak Jepun berhasrat untuk memberi bantuan tetapi negara-negara maju yang lain tidak ingin melihat Malaysia dipulihkan semula.

Menurutnya berbagai tekanan telah dikenakan terhadap usaha kerajaan termasuk menjatuhkan penarafan kredit supaya negara menghadapi masalah

hingga tunduk kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Tetapi Malaysia masih dapat kekalkan kemerdekaannya daripada segi ekonomi," tambahnya.

Menjawab soalan Datuk Muhammad Abdullah (BN-Maran) mengenai dua jawatan Menteri Kewangan, Perdana Menteri berkata jawatan tersebut adalah sementara sehingga ditentukan seorang Menteri Kewangan yang baru.

-- BERNAMA

sho oba